From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 21 April, 2022 2:48:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pameran KPKM Platform CEDI Promosi Produk Usahawan Pelajar

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2022 / 19 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Noorzila Md. Nor
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PAMERAN KPKM PLATFORM CEDI PROMOSI PRODUK USAHAWAN PELAJAR










UUM ONLINE: Alor Setar - Pameran KPT Prihatin Keluarga Malaysia (KPKM): Edisi Keusahawanan menjadi platform kepada Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) untuk mempromosikan produk usahawan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM).

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) itu diadakan di Hotel Royale Signature, semalam.

KPKM: Edisi Keusahawanan di utara ini dikendalikan oleh UUM dan Universiti Malaysa Perlis (UniMAP) yang menyasarkan penyertaan daripada pelajar dan belia yang berminat mendapatkan maklumat serta mentor dalam bidang keusahawanan.

Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Jauriyah Shamsuddin berkata, penyertaan CEDI melibatkan usahawan pelajar dan graduan dalam program pameran seumpama ini memberi impak yang tinggi.

Menurutnya, ia selaras dengan misi dan visi CEDI dalam memperkasakan perniagaan dan pembangunan modal insan pelajar ke arah budaya keusahawanan, di samping dapat memenuhi KPI yang telah ditetapkan oleh KPT iaitu penglibatan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa pengajian dan menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduan yang perlu dicapai oleh UUM amnya dan CEDI khasnya.

"Selain itu, program ini juga merupakan platform yang baik untuk usahawan-usahawan dalam kalangan pelajar untuk mendapat pendedahan dan pengalaman ketika menyertai pameran keusahawanan," katanya.

Antara pengisian sepanjang program KPKM:Edisi Keusahawanan ialah pameran daripada KPT yang melibatkan UUM, UniMAP dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti serta agensi di bawah KUSKOP (TEKUN Nasional, Bank Rakyat, SME Bank, SME Corp dan PERNAS).

Reruai pameran UUM diwakili oleh dua usahawan iaitu Mohd Aizal Shazrizal Zaini yang mewakili usahawan graduan dengan produk kuih semperit susu pelbagai perisa dan Sharifah Balqis Syed Supiyan yang mewakili usahawan pelajar tampil dengan pelbagai produk seperti baju, tudung dan makanan.

Program ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan hadir sama Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah.

Sebagai tanda sokongan kepada usahawan UUM yang mengambil bahagian, Noraini telah membeli tudung dan 10 balang kuih semperit untuk edaran di meja tetamu yang berbuka puasa.

Beliau bersama Naib Canselor juga memberi sokongan dan kata-kata semangat kepada kedua-dua usahawan semasa melawat reruai pameran mereka, sekali gus meningkatkan lagi semangat dan keazaman mereka untuk terus berjaya dalam bidang keusahawanan yang diceburi itu.

Antara pengisian lain sepanjang program ini ialah taklimat KPT berkaitan inisiatif *'IPT for Society (UNiTY)-Entrepreneurship'*, forum keusahawanan untuk membina kapasiti dan keupayaan usahawan serta tazkirah Ramadan.

Program diakhiri dengan majlis ramah mesra bersama Menteri Pengajian Tinggi dan majlis iftar bersama wakil pemimpin tempatan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.